

06/07/1999

Pas guna pelbagai cara kelirukan rakyat: Mohd Isa

TAMPIN, Isnin - Tindakan Pas yang mendakwa Umno memiliki unsur kafir kerana kononnya menolak Islam semata-mata untuk mengelirukan rakyat dan pada masa yang sama menagih sokongan mereka menjelang pilihan raya umum.

Menteri Besar, Tan Sri Mohd Isa Abdul Samad, berkata parti pembangkang itu sebenarnya tidak mampu mengemukakan sesuatu untuk faedah rakyat, apatah lagi mengatasi masalah kemiskinan yang dialami penduduk di Kelantan.

"Lantaran itu, pelbagai cara dilakukan termasuk melempar fitnah kepada pucuk pimpinan kerajaan seperti yang dilakukan oleh Mursyidul Am Pas, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat.

"Malah Menteri Besar Kelantan itu tidak silu pula mendakwa Umno memiliki unsur kafir dan ini tidak lain dan tidak bukan kerana kepentingan politiknya," katanya selepas merasmikan bangunan baru SRK (C) Chung Hwa, di sini hari ini.

Beliau berkata, pemimpin Pas memang tidak ada idea dan tidak ada kemampuan bagi meningkatkan taraf hidup rakyat.

Katanya, berbanding dengan pemimpin Barisan Nasional (BN) dan kerajaan yang dipimpin Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang mencetuskan idea untuk membangunkan negara.

"Rekod kerajaan BN menunjukkan, kita berupaya mengelakkan negara daripada terjerumus dalam pelbagai masalah, terutama ekonomi. Langkah yang diambil kerajaan menunjukkan keadaan ekonomi semakin pulih.

"Di peringkat antarabangsa pula, Malaysia terus diiktiraf sebagai negara yang cepat mencapai kemajuan dalam bidang pembangunan dan juga Islam," katanya.

Pengerusi Badan Perhubungan Umno negeri itu berkata, kini pula Pas heboh hendak mendirikan universiti di Kelantan dan ini adalah satu lagi cara parti pembangkang itu untuk meraih sokongan.

Soalnya ialah, katanya adakah mereka mampu berbuat demikian sedangkan pentadbiran sekolah agama pondok yang dikendalikan di negeri itu kucar-kacir dan tidak bersistematik.

"Bandingkanlah dengan apa yang dilaksanakan selama ini oleh BN yang menyediakan begitu banyak pusat pengajian tinggi, sekolah atau pendidikan agama yang lebih sistematik dan kurikulumnya yang mantap.

"Pas usahlah mengabui rakyat dengan pelbagai janji yang mungkin tidak boleh dilaksanakan dengan kemampuan yang ada. Rakyat tidak begitu mudah dikelirukan dengan janji seperti itu," katanya.

(END)